

Lengkapkan maklumat dalam petikan di bawah ini dalam ruang yang disediakan.

RAWANG, 1 September – Sebanyak 40 orang anggota Pergerakan Puteri Islam SMK Seri Cempaka telah mengadakan aktiviti perkhemahan di Hutan Lipur Kanching pada dua hari yang lalu. Perkhemahan ini turut disertai oleh empat orang guru.

Aktiviti yang berlangsung selama dua hari itu bertujuan untuk memberikan peluang kepada setiap anggota mempraktikkan ilmu yang diperoleh secara teori sebelum ini selain untuk memupuk keyakinan diri. Peserta perkhemahan telah bekerjasama membersihkan kawasan perkhemahan dan mendirikan khemah.

Pelbagai aktiviti yang menyeronokkan dijalani oleh para peserta seperti mengembara, memasak, dan merentas sungai. Aktiviti mengembara menggalakkan peserta untuk bekerjasama dalam satu kumpulan serta bersikap peka akan masalah orang lain. Mereka juga diingatkan agar sentiasa berhati-hati sepanjang melalui kawasan hutan kerana keadaannya yang basah dan licin. Para peserta turut kagum akan keindahan alam yang disaksikan sepanjang perjalanan itu. Aktiviti memasak pula memperlihatkan kemahiran memasak para peserta dengan peralatan dan bahan masakan yang terhad. Aktiviti yang paling mencabar ialah aktiviti merentas sungai. Hal ini dikatakan demikian kerana para peserta dikehendaki berjalan di dalam air yang deras dengan berpegang pada tali. Semua peserta berusaha bersungguh-sungguh untuk menamatkan aktiviti tersebut bagi membolehkan mereka mendapat sijil penyertaan perkhemahan.

Aktiviti perkhemahan tamat apabila berlangsungnya majlis penyampaian hadiah dan sijil yang disempurnakan oleh Penolong Kanan Kokurikulum SMK Seri Cempaka iaitu Puan Lili Maisarah.

1) Nama aktiviti: _____

2) Tarikh aktiviti: _____

3) Tempoh: _____

4) Tempat aktiviti: _____

5) Bilangan peserta: _____

6) Bilangan guru: _____

7) Tujuan aktiviti: a) mempupuk keyakinan diri

b) memupuk sikap bekerjasama

c) _____

8) Aktiviti yang dijalankan: _____